

Berita UniMAP

Fiesta Muzika MAKUM 2007

24 Mac 2007

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), muncul johan dalam Fiesta Muzika Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) 2007 yang diadakan di Dewan Capitol Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) 24 Mac 2007 lalu.

Kumpulan yang membawakan lagu, "Di Bawah Pohon Asmara" dan sebuah lagu Inggeris "Silent" itu membawa pulang Piala Pusingan wang tunai RM2,000, Piala Iringan dan hamper.

Tempat kedua disandang oleh tuan rumah, UniMAP, yang menerima wang tunai RM1,500, Piala Iringan dan hamper, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Universiti Sains Malaysia (USM) yang menerima RM1,000, Piala Iringan dan hamper.

Hadiyah telah disampaikan DYTM. Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamallullail. Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri, YB. Dato' Haji Che Sulaiman Shafie yang mewakili YAB Menteri Besar Perlis, Naib Canselor UniMAP, Y.Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin serta Pengurus MAKUM yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Amir Hashim Mohd Kassim.



Sebanyak 13 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengambil bahagian dalam pertandingan yang diadakan selama dua hari itu dan hanya enam kumpulan yang layak ke peringkat akhir.

Majlis ini juga turut diserikan lagi dengan persembahan dari Unit Kebudayaan dan Rekreasi UniMAP. Sementara itu dalam ucapannya, Dato' Dr. Kamarudin berkata, selaras dengan tema "**Seni Memartabatkan Budaya dan Warisan**" bidang muzik dapat ditekankan menjadi salah satu cabang kesenian yang mampu memartabatkan budaya dan warisan melalui penghayatan yang seimbang.

Kita haruslah beranggapan bahawa seni muzik bukan hanyalah hiburan semata-mata tetapi ia adalah kemahiran yang perlu dijijiwi semua pelajar dan perlu dipertahankan agar tidak luput ditelan zaman, katanya lagi.

Beliau berharap dengan penganjuran fiesta muzika seperti ini akan dapat mempertahankan seni muzik warisan bangsa disamping memperkenalkannya kepada generasi muda yang semakin mengagungkan muzik luar yang tidak mencerminkan budaya rakyat negara ini.

